

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 13 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 03

457 pusat tahfiz siap diselenggara GiatMara

KOTA KINABALU - Sebanyak 457 pusat tahfiz di seluruh negara telah siap diselenggara oleh GiatMara sehingga 10 Februari lalu.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jumlah itu adalah sebahagian dari 718 pusat tahfiz yang perlu disiapkan dalam fasa pertama dengan peruntukan RM30 juta daripada kerajaan.

"Selebihnya pusat tahfiz berkenaan dijangka siap diselenggara hujung Mac depan. Kebanyakan daripada 718 pusat tahfiz berkenaan, tidak berdaftar dan fokus utama pada fasa pertama adalah kerja pendawaian semula.

"Kita mendahulukan pusat tahfiz yang tidak berdaftar kerana kebanyakannya tidak mengikut piawaian ditetapkan berbanding pusat tahfiz yang telah berdaftar.

"Kita tidak pentingkan sama ada pusat tahfiz itu berdaftar atau tidak, yang penting keselamatan pelajar," katanya selepas melawat Maahad Tahfiz Wal-Tarbiyah Masjid Nurul Hikmah, Bukit Padang, semalam.

Beliau berkata, untuk penyelenggaraan kedua, kerajaan memperuntukkan RM50 juta seperti diumumkan pada pembentangan Bajet 2018.

"Untuk fasa kedua yang akan dilaksanakan sepanjang tahun ini, sebanyak 612 pusat tahfiz berdaftar bakal diselenggara termasuk piawaian pendawaian.

"Pelaksanaan penyelenggaraan itu dibantu pihak bomba yang akan menentukan piawaian keselamatan ditetapkan," katanya.

- *Bernama*

JUMLAH TERKINI DANA **RM1,172,948.10**

DANA TELAH DIAGIH **RM1,075,800**